

06/05/2001

Tanggungjawab bersama atasi banjir

BANJIR besar di Kuala Lumpur minggu lalu dikatakan yang terburuk selepas 1971. Ada pihak mengaitkan penempatan setinggan di tebing sungai sebagai penyebab utama petaka itu. Penduduk setinggan pula menyalahkan pihak berkuasa kerana tidak prihatin masalah mereka. Wartawan Berita Minggu, Zainudin Isa dan Halmi Samad bertemu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar, di Jerantut, Pahang, kelmarin untuk mendapatkan penjelasan mengenai banjir dan setinggan di ibu negara.

BOLEH Tengku jelaskan punca banjir besar di sekitar Kuala Lumpur minggu lalu?

Kita maklum, hujan ketika itu cukup lebat sehingga paras 150 milimeter (mm) sejam dan ini berlarutan sehingga dua jam setengah. Sebenarnya air sungai naik begitu cepat. Kalau di sebelah sungai yang dekat dengan Masjid India, paras bahayanya ialah 27 meter. Tapi, petang itu air naik sehingga 27.8m. Air naik di kedua-dua sungai iaitu Sungai Kelang dan Sungai Gombak.

Tapi, masalah banjir terlalu kerap seolah-olah pihak berkuasa tidak mempunyai rancangan konkrit mengatasi?

Untuk mengatasi, kita maklum ia membabitkan kos sehingga RM200 juta atau lebih banyak, misalnya untuk membina lencongan sungai atau perparitan atau tebatan banjir. Yang menjadi masalahnya ialah kedua-dua sungai itu dari Selangor dan Kuala Lumpur pula terletak di tengah.

Satu lagi, dari segi namanya Kuala Lumpur sememangnya sebuah kuala atau lembangan. Tidak sepatutnya bandar sebesar itu terletak di situ. Kita kena terima hakikat ini. Ramai pula penduduk setinggan yang tinggal di tepi sungai. Lebih bermasalah lagi sampah sarap dari kawasan setinggan ini sehingga ke hulu sungai yang mana terletaknya ibu negara kita. Kelmarin, saya diberitahu oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), lebih 60 tan sampah sehari dilempar ke dalam sungai. Jadi, saya rasa kita sebagai warga kota, kita harus memahami masalah ini dan cuba mengatasinya secara bersama dengan pihak berkuasa lain terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau JPS.

Tapi, banyak pihak meletakkan kelemahan ini kepada DBKL dan JPS?

Saya rasa mereka tetap menjalankan tanggungjawab masing-masing. Tinggal lagi warga kota mesti mempunyai kesedaran sendiri. Mereka juga mesti memainkan peranan macam mana hendak membersihkan keadaan di sekitar ibu kota. Kita tidak nafikan kita ada kekurangan dari segi sistem perparitan dan keperluan mendalamkan lagi sungai di Kuala Lumpur.

Bagi saya, kita memerlukan satu kajian menyeluruh, tapi ini mungkin memakan masa sedikit. Tapi, kita jangan juga menyalahkan keadaan apabila berlakunya banjir atau satu keadaan yang luar biasa. Keadaan ini juga berlaku di mana-mana seperti juga di kota raya Paris, London dan New York.

Antara reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah punca berlaku banjir kerana kelemahan perancangan bandar di negara kita. Apa komen Tengku?

Saya setuju dengan kenyataan Dr Mahathir itu. Tapi soal perancangan bandar sejak bila? Adakah ketika Datuk Bandar sekarang, atau ketika 10 dan 15 tahun lalu?

Mengapa kita tidak mengambil iktibar banjir besar 1971 yang pernah menenggelam dan melumpuhkan ibu negara? Mengapa selepas itu tidak wujud satu perancangan rapi supaya kejadian ini tidak berulang?

Saya setuju dan kita patut ambil iktibar. Saya tidak menafikan perkara

ini berlaku lagi selepas berpuluh tahun lagi.

Kalau kita membuat sesuatu perancangan ia mesti 20 atau 30 tahun ke hadapan?

Inilah Perdana Menteri kita tekankan. Sebab itulah kita bangunkan Putrajaya dengan perancangan 30 hingga 50 tahun ke hadapan. Tapi, di Kuala Lumpur kita sukar buat rancangan sebegitu kerana Kuala Lumpur sudah menjadi bandar raya padat dan sesak dari segi pembangunan fizikal. Jadi, kita sekarang cuma hendak memperbetulkan apa yang kita sudah buat. Bukannya senang melakukannya kerana dengan adanya Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), pembangunan pesat dan faktor hujan begitu tinggi (lebih tinggi daripada Pahang), saya percaya selepas keadaan ini berlaku, Datuk Bandar memanggil agensi yang berkaitan. Saya juga percaya mereka akan membuat keputusan yang lebih jelas apa sebenarnya yang berlaku. Jadi, kita tunggulah sehingga siasatan itu selesai.

Apa iktibar yang boleh kita ambil daripada kejadian ini?

Saya nampak, pertamanya kita memerlukan satu sistem yang berkaitan dengan geologi air di Kuala Lumpur. Saya beri contoh, ada tempat yang kita tidak boleh menjalankan pembangunan yang terlalu pesat dan padat. Ambil contoh kejadian pangsapuri Highlands Tower yang runtuh dulu. Sepatutnya, kontraktor atau pihak kaji ukur mengkaji lebih awal apakah dengan membina bangunan di tanah tinggi akan menggugat saluran air di kawasan itu. Sama juga dengan tempat lain pada masa ini.

Adakah dengan kita membuat pembangunan besar akan menjejaskan keselamatan penduduk di sekitarnya. Jadi, pada pendapat saya, satu kajian terperinci perlu diadakan mengikut kesesuaian keadaan dengan komponen pembangunan yang hendak kita lakukan. Saya bukan seorang pakar dalam bidang ini.

Contohnya, Cameron Highlands, bagi saya sepatutnya kita jaga dan pelihara hutan di kawasan itu. Tapi, dengan pembangunan di lerengnya dan kawasan tanah tingginya ia telah menggugat alam sekitarnya. Jadi, kalau benda yang tidak sepatutnya kita buat, kita buat juga, kita kena terima kesan. Kalau manusia cari penyakit, penyakit itulah yang dia akan dapat.

Antara faktor punca banjir dikatakan masalah penempatan setinggan. Tapi, sejak sekian lama masalah dan jumlah setinggan masih tidak selesai.

Saya rasa jumlah setinggan sudah jauh berkurangan, tapi masih ada setinggan yang tidak mahu berpindah di tempat yang disediakan oleh DBKL. Ada juga yang sudah pindah, tapi mereka balik ke kawasan itu semula. Mereka memang sedar kawasan di tepi sungai adalah berbahaya untuk mereka tinggal. Tapi mereka berdegil juga dan kita harap dalam proses mencapai sasaran setinggan sifar pada 2005 DBKL akan bertungkus lumus menyediakan segala kemudahan bagi mereka.

Mengapa pengurangan penduduk setinggan tidak dapat dijalankan secara serius. Adakah ini disebabkan mereka tidak mampu kerana diklasifikasikan sebagai penduduk miskin bandar?

Memang ada yang berpendapatan RM124 sebulan dan ada juga mereka yang memiliki dua tiga kereta. Ada juga setinggan yang tidak duduk di situ, tapi mereka menyewakan rumah kepada orang lain. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini kita sepatutnya bekerjasama dan mengeratkan hubungan di antara setinggan dan pihak berkuasa. Dengan cara itu dapatlah mereka memahami apa dan tujuan sebenar usaha kerajaan terhadap golongan ini.

Tapi, menerusi tinjauan penduduk setinggan tidak hiraukan keadaan bahaya di kawasan penempatan mereka. Apa yang penting mereka ingin hidup selesa apatah lagi mereka memang tidak mampu membeli atau menyewa rumah di bandar raya.

Kita faham ada antara mereka benar-benar miskin dan tidak mampu. Jadi kita perlu ambil kira nasib dan kedudukan golongan ini dan cari jalan untuk bantu mereka yang tidak mampu.

Tapi, setinggannya dikatakan menyumbang kepada masalah banjir dan pencemaran kerana selama ini tiada sistem pembuangan sampah dan najis yang sempurna di kawasan mereka. Adakah ini adil buat mereka?

Boleh jadi perkara ini berlaku. Saya tidak menafikan kelemahan ini di pihak kerajaan. Kadangkala pihak berkuasa termasuk DBKL kekurangan kakitangan. Jadi, kita perlu tengok semula sama ada tenaga kerja mencukupi atau tidak dalam menyelesaikan kemelut setinggannya ini.

Pada pandangan Tengku, adakah kejadian banjir tempoh hari menjejaskan imej ibu negara. Apakah perlu satu tindakan lebih tegas untuk menanganinya?

Itu sebabnya Perdana Menteri sendiri menjadi pengerusi Jawatankuasa Setinggannya Kebangsaan. Beliau sendiri mengambil perhatian serius untuk menangani masalah ini. Kalau Perdana Menteri menjadi pengerusi, saya percaya masalah ini akan boleh diselesaikan lebih cepat.

Adakah Tengku yakin usaha kerajaan untuk mencapai setinggannya sifar pada 2005 boleh berjaya?

Memang kita pada masa ini masih mempunyai 130,000 setinggannya. Apa yang pasti kita betul-betul serius mengatasinya. Saya rasa untuk mencapai sepenuhnya pada 2005, saya tidak berani hendak kata, tapi mungkin sampai 2006. Bagaimanapun, kalau Perdana Menteri memainkan peranan dan ambil berat perkara, tempoh itu boleh dicapai.

Orang ramai mahu pihak berkuasa menyatakan perancangan terdekat bagi mengatasi masalah banjir besar dan setinggannya? Kalau kita lihat misalnya di kampung setinggannya Kayu Ara di Damansara, ia sudah berlarutan berpuluh tahun tanpa ada penyelesaian ketara?

Saya bimbang perkara ini dipolitikkan. Kerajaan pada masa ini memang serius mengurangkan setinggannya. Tapi, ada pihak pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mempengaruhi penduduk setinggannya ini. Apa yang kita harapkan ialah mereka dapat merapatkan diri dengan kerajaan dan dengan itu mudahnya kita selesaikan masalah secara bersama. Boleh dikatakan sebahagian besar mereka ini termakan cakap pembangkang. Mereka mungkin sengaja melengah-lengah atau cuba menimbulkan masalah apabila kerajaan cuba membuat sesuatu perancangan untuk kebaikan mereka.

Tapi ramai di antara mereka kecewa kerana selama ini aduan atau masalah mereka tidak dilayan kononnya mereka bertaraf setinggannya haram atau menumpang. Kekecewaan itu membuatkan mereka beralih menyokong parti lawan?

Sejak saya berkhidmat di JPM, saya lihat memang kerajaan mengutamakan masalah setinggannya dan banjir. Malah DBKL setiap hari dikritik dalam dua isu ini. Saya yakin DBKL juga serius dalam menyelesaikan masalah mereka. Kita tidak boleh menyalahkan DBKL saja dalam masalah banjir umpamanya kerana ia juga membabitkan Kerajaan Selangor. Kita juga bergantung kepada kelulusan kerajaan negeri untuk membuat pembangunan semula setinggannya. Saya bukan sengaja untuk mencari alasan, tapi tidak adillah kalau kita katakan DBKL tidak bekerja. Kita tidak boleh lari daripada kelemahan. There is no city in the world is perfect. Kalau sistem saluran atau longkang tidak bagus mengapa dalam dua tiga jam saja air cepat surut?

Kalau kita ambil senario DBKL dengan JPS, mereka saling tuduh menuduh dalam isu banjir ini?

Bagi saya mereka tidak mempunyai masalah. Saya rasa akhbar saja yang menimbulkan masalah ini. Dan semalam JPS sudah membuat kenyataan mereka tidak mempunyai masalah dengan DBKL. Malah, mereka memperuntukkan RM120 juta untuk melaksana projek tebatan banjir sepanjang tahun ini. Kalau ikut kenyataan Ketua Pengarah JPS, dia kata akhbar yang memperbesarkan isu ini.

Apa bezanya banjir minggu lalu dengan banjir besar 1971 sehingga banyak pihak yang melatah dan saling tuduh-menuduh?

Kita kena terima kenyataan jarang benar di dunia hujan melebihi 105mm dalam masa dua jam saja. Purata hujan di negara kita hanya 30mm. Jadi,

kita kira kejadian minggu lalu memang luar biasa. Saya kira kalau hujan sebegini berlaku di London, lumpuhlah kota raya itu. Kita kena terima ia kehendak Allah Taala juga. Jadi, iktibarnya kita kena lihat semua sistem perparitan, pembangunan secara total dan perlu menjalankan kajian semula secara besar-besaran dalam konteks Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang maju dan membangunkan.

Adakah kita perlu khidmat pakar asing dalam membuat perancangan masa depan bagi menghadapi fenomena alam ini?

Mungkin kita perlu, tapi saya berpendapat anak tempatan tidak kurang kepakaran dan pengalamannya dalam hal ini. Seluruh negara memang terdedah kepada banjir. Sudah tentu JPS mempunyai pengalaman yang cukup lama. Saya tidak terkejut jika pihak JPS mempunyai jurutera yang sama tarafnya dengan pakar asing dalam menyumbang idea dan perancangan bagi mengatasi masalah ini.

Akhir sekali, ekoran kejadian banjir dan rencamnya masalah setingan ini apakah ia satu cabaran kepada Tengku dalam menyelesaikannya?

Suka atau tidak kita kena cari jalan untuk mengatasinya. Pada pendapat saya `it is a good challenge for everybody. No harm in trying'. Kita ambilnya sebagai satu cabaran yang cukup bernilai atau membina.

(END)